

26 MAY 2001

Perkongsian-Dialog (Bergambar)

PELABURAN TERUS ASING FOKUS DIALOG PERKONGSIAN PINTAR

PUTRAJAYA, 26 Mei (Bernama) -- Usaha menarik pelaburan terus asing (FDI) akan menjadi isu fokus perbincangan Dialog Perkongsian Pintar Antarabangsa Global 2001 (Global) di Kampala, Uganda dari 18 hingga 21 Ogos ini.

Menteri di Pejabat Presiden Uganda, Dr Ruhukana Rugunda berkata dialog yang bertema "Mempertingkatkan Suasana bagi FDI Menerusi Perkongsian Pintar" akan membincangkan antara lain pengalaman Malaysia dalam menarik pelaburan asing.

Rugunda yang juga penganjur bersama dialog itu berkata bahawa Malaysia mempunyai rekod baik dalam menarik FDI dan menjadi contoh terbaik kepada negara-negara Afrika mempelajari cara mewujudkan persekitaran sesuai bagi menarik pelaburan.

Katanya, banyak negara Afrika telah gagal dalam usaha menarik lebih banyak FDI terutamanya disebabkan oleh gambaran negatif terhadap benua tersebut.

"Tetapi sebenarnya keadaan sedang berubah di Afrika sekarang. Kami mahu belajar dengan Malaysia," katanya kepada media selepas menghadiri mesyuarat dengan Fellow Perkongsian bagi Pengurusan Teknologi Komanwel (CPTM), wakil Kumpulan Industri bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) dan wakil beberapa negara Afrika.

Mesyuarat persediaan Global 2001 yang diadakan di pejabat Perdana Menteri di sini dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rugunda berkata Global 2001 akan menyaksikan penyertaan aktif peserta dari sektor swasta, buruh, akademik dan media.

Idea bagi perkongsian pintar yang menggabungkan kerajaan, sektor swasta, buruh, media dan sektor-sektor lain untuk bekerjasama bagi kemakmuran bersama dicetuskan oleh Dr Mahathir dan dialog pertama seumpamanya diadakan di Langkawi pada 1995.

Sementara itu, pengerusi Kumpulan Eksekutif Bersama Global 2001 Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman berkata antara isu lain dalam agenda ialah berkaitan pelaburan seperti risiko pelaburan dan hak milik tanah.

Dr Omar berkata Global 2001 akan mencakupi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) dan Dialog Antarabangsa Selatan Africa (SAID).

-- BERNAMA

RV RV MOZ